



## TAKRIF "GAJI" DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

BIL	JENIS SARAAN/ELAUN	KETERANGAN	KEPUTUSAN
1	<b>Elaun Memangku</b>	Elaun dibayar kepada pekerja yang menjalankan tugas dan tanggungjawab sepenuhnya didalam satu jawatan dalam gred yang lebih tinggi.	Gaji
2	<b>Elaun Tanggungan Kerja</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja yang menjalankan tugas dan tanggungjawab satu jawatan lain disamping tugas jawatan hakikinya.	Gaji
3	<b>Elaun Menyandang</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja yang menyandang sesuatu jawatan selain dari jawatannya yang sedia ada.	Gaji
4	<b>Elaun Lebih Masa</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja lebih daripada waktu kerja biasa.	Gaji
5	<b>Elaun Professional / Kemahiran</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja kerana mempunyai kelayakan / kemahiran / kepakaran tambahan.	Gaji
6	<b>Elaun Intensif Kedatangan</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja yang tidak datang lewat (kedatangan bersih) dalam bulan tersebut.	Gaji
7	<b>Elaun Syif / Giliran</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja yang bekerja secara syif / giliran.	Gaji
8	<b>Elaun Ketua Kumpulan</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja yang menjadi ketua ( <i>leader</i> ) dalam sesuatu kumpulan pekerja.	Gaji
9	<b>Elaun Memandu / Drebar</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja (bukan seorang pemandu) yang dikehendaki melaksanakan tugas pemandu.	Gaji
10	<b>Elaun Bahasa</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja yang mempunyai kemahiran bahasa lain selain bahasa ibundanya.	Gaji
11	<b>Elaun Perkhidmatan Kritikal</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja-pekerja jawatan tertentu yang melaksanakan tugas kritikal tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal seperti seperti contoh doktor, jururawat dan sebagainya.	Gaji
12	<b>Elaun Bersalin</b>	Elaun yang dibayar kerana dan dalam masa pekerja cuti bersalin.	Gaji
13	<b>Komisen</b>	Bayaran yang dibayar atas penjualan yang telah dilakukan kepada jurujual yang menerima gaji bulanan. Ini tidak melibatkan komisen yang dibayar kepada jurujual langsung ( <i>Direct Selling</i> ) atau ejen insurans sambilan.	Gaji
14	<b>Bayaran Caj Perkhidmatan (Service Charge)</b>	Bayaran yang dikenakan oleh pemunya hotel, tempat minuman dan restoran terhadap pelanggan mereka dan kemudian wang ini akan dibahagikan kepada pekerja-pekerjanya setiap bulan.	Gaji
15	<b>Elaun Latihan Bersukan</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja yang dikehendaki mengikuti latihan sukan sepertimana termaktub didalam kontrak dan syarat perkhidmatan.	Gaji
16	<b>Bayaran Hari Rehat Mingguan</b>	Dibayar kepada pekerja walaupun pekerja tidak bekerja.	Gaji
17	<b>Bayaran Hari Kelepasan</b>	Dibayar kepada pekerja walaupun pekerja tidak bekerja.	Gaji
18	<b>Bayaran Ganti Cuti Tahunan (Payment In-Lieu of Leave)</b>	Bayaran secara tunai kepada pekerja sebagai ganti cuti sakit yang tidak diambil dan dibayar pada hujung tahun.	Gaji
19	<b>Bayaran Ganti Cuti Sakit (Payment In-Lieu of Sick Leave)</b>	Bayaran secara tunai kepada pekerja sebagai ganti cuti sakit yang tidak diambil dan akan dibayar pada hujung tahun.	Gaji
20	<b>Bayaran Untuk Kerja yang dijalankan pada hari kelepasan/hari rehat</b>	Dibayar kepada pekerja yang dikehendaki bekerja pada hari kelepasan / hari rehat pekerja tersebut.	Gaji
21	<b>Elaun Kawat/Jalur</b>	Diberikan kepada Pengawal Keselamatan kerana menghadiri latihan kawat dan usung bendera.	Gaji
22	<b>Elaun Kesukaran/ Kesusahan Tugas</b>	Diberikan kepada pekerja yang terlibat dengan kerja atau tugas yang merbahaya, berisiko tinggi, ditempatkan jauh di dalam pedalaman atau yang tiada asas kemudahan asas.	Gaji
23	<b>Elaun Wilayah</b>	Elaun yang dibayar kepada pekerja Semenanjung Malaysia yang bekerja di Sabah dan Sarawak. Pekerja Sabah dan Sarawak yang bekerja di Semenanjung Malaysia, pekerja Sabah atau Sarawak yang bekerja di negeri masing-masing, pekerja Sabah yang bekerja di Sarawak atau sebaliknya.	Gaji

BIL	JENIS SARAAN/ELAUN	KETERANGAN	KEPUTUSAN
24	Elaun Sara Hidup	Elaun yang dibayar kepada pekerja untuk meringankan beban kos hidup yang meningkat.	Gaji
25	Elaun Bantuan Khas	Elaun yang dibayar kepada pekerja untuk meringankan beban kos hidup yang meningkat.	Gaji
26	Bonus	Intensif/Target / Price Attendance ( <b>Kecuali Bonus Tahunan</b> ).	Gaji
27	Elaun Persekolahan Anak / Elaun Pendidikan	Elaun yang diberikan untuk membantu persekolahan anak-anak pekerja.	Bukan Gaji
28	Elaun Telefon Bimbit / Pager	Elaun yang dibayar kepada pekerja sama ada secara tetap ataupun tidak.	Bukan Gaji
29	Elaun Perjalanan / Letak Kereta / Tol/ Minyak	Elaun yang dibayar kepada pekerja sama ada secara tetap ataupun tidak.	Bukan Gaji
30	Elaun Dobi / Pakaian	Elaun yang dibayar kepada pekerja yang dikehendaki memakai pakaian seragam (uniform).	Bukan Gaji
31	Bayaran Pengganti Notis ( <i>Payment In-Lieu of Notice</i> )	Bayaran oleh majikan kerana memberhentikan pekerjaanya.	Bukan Gaji
32	Elaun Perubatan	Jika dibayar dengan bersyarat seperti contoh majikan memperuntukkan seseorang itu layak RM1000 setahun untuk belanja perubatan. Pekerja hanya menggunakan RM500 sahaja dan majikan akan membayar tunai baki RM500 sebagai elaun perubatan yang tidak digunakan pada hujung tahun.	Bukan Gaji
33	Elaun Mesyuarat / Persidangan	Elaun yang dibayar kerana menghadiri mesyuarat Lembaga atau persidangan seperti mahkamah (disapina).	Bukan Gaji
34	Elaun Penceramah	Elaun yang dibayar kepada pekerja yang dikehendaki memberi ceramah untuk sesuatu kursus atau seminar.	Bukan Gaji
35	Elaun Utiliti (Elektrik/Air/Telefon)	Elaun yang dibayar kepada pekerja-pekerja syarikat utiliti seperti contoh Tenaga Nasional, Syabas, Telekom dan sebagainya.	Bukan Gaji
36	Elaun Makan	Dibayar kepada semua pekerja tanpa syarat.	Gaji
		Dibayar kepada pekerja dengan bersyarat seperti contoh membuat kerja lebih masa, bekerja syif malam atau membuat kerja luar kawasan.	Bukan Gaji
37	Elaun Sewa Rumah / Elaun Bantuan Sewa Rumah / Pinjaman Perumahan	Dibayar oleh majikan kepada pekerja (sama ada pekerja menyewa rumah atau tidak).	Gaji
		Majikan membayar terus kepada tuan punya rumah, atau institusi kewangan (sama ada sepenuh atau sebahagian).	Bukan Gaji
38	Elaun Keraian	Jika diberikan kepada semua pekerja tanpa tujuan untuk meraikan seseorang.	Gaji
		Jika diberikan kepada jawatan tertentu untuk tujuan meraikan tetamu.	Bukan Gaji
39	Ganjaran (Ex-Gratia)	Dibayar sebagai penyesuaian gaji / penyelarasan gaji yang di kebelakangan tempohnya ( <i>Back-Dated</i> ) dan dibayar secara pukal ( <i>Lump Sum Payment</i> ).	Gaji
		Dibayar kerana berhenti kerja / bersara.	Bukan Gaji
40	Bayaran Percutian / Melancong	Dibayar secara tunai dengan jumlah yang sama kepada semua pekerja untuk belanja percutian ( sama ada pekerja pergi bercuti atau tidak ) dan termaktub dalam kontrak / syarat perkhidmatan).	Gaji
		Dibayar semula ( <i>reimburse</i> ) oleh majikan jumlah yang telah dibelanjakan oleh pekerja yang pergi bercuti / melancong.	Bukan Gaji
41	Elaun kenderaan / <i>Transport Allowance</i> (Motorsikal / Kereta / Basikal)	Jika dibayar setiap bulan di mana kenderaan adalah disediakan oleh majikan dan kos penyelenggaraan serta minyak ditanggung oleh majikan dan kos penyelenggaraan serta minyak ditanggung oleh majikan.	Gaji
		Dibayar kepada pekerja dimana kenderaan adalah kepunyaan pekerja, Tuntutan Perjalanan ( <i>Mileage Claims</i> ) dibayar.	Bukan Gaji